

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

MENGENAI PENYATA KEWANGAN

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Pihak Berkuasa Terhadap Penyata Kewangan

Pihak Berkuasa bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 (Akta 85). Pihak Berkuasa juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan

pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Emphasis of Matter

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhd

- i. Merujuk Nota 43 kepada Penyata Kewangan, RISDA Sema... and... yang merupakan syarikat subsidiari RISDA telah melaporkan... anak benih pokok getah sejumlah RM19,114,464 dalam penyata... tahun berakhir 31 Disember 2015. Syarikat juga telah membuat pelarasan... sejumlah RM47,235,578 bagi hapus kira nilai inventori dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014. Keseluruhan nilai inventori berjumlah RM66,350,042 dihapus kira kerana kesilapan perekodan belanja penyenggaraan anak benih yang telah dipermodalkan sebagai inventori sejak tahun 2012. Hapus kira ini telah diluluskan melalui mesyuarat khas Lembaga Pengarah syarikat pada 21 April 2016.



PENGAKUAN OLEH PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH


Kami, masing-masing, **Datuk Zahidi bin Zainul Abidin** dan **Hj Mohd Najib bin A Samad** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang mengandungi penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai RISDA dan kumpulan berserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya, adalah disediakan menurut piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia bagi memberikan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan RISDA dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak ahli lembaga pengarah,

Bagi pihak ahli lembaga pengarah,



DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN



HJ MOHD NAJIB BIN A SAMAD

PENERUSI LEMBAGA

KETUA PENGARAH / AHLI LEMBAGA

Tarikh: **25 AUG 2016**
KUALA LUMPUR

Tarikh: **25 AUG 2016**
KUALA LUMPUR

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL
PERUSAHAAN GETAH (RISDA)**


Saya, **NOR HASHIMAH BT ABDULLAH**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai RISDA dan kumpulan berserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan adalah sebaik-baik di dalam pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya

diakui oleh penama di atas

di KUALA LUMPUR

pada **24 AUG 2016**



NOR HASHIMAH BT ABDULLAH
PENGARAH KEWANGAN DAN BELANJAWAN

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil
Perusahaan Getah (RISDA)

Di hadapan saya:



Level 16, Menara Tokio Marine Taipan,
189, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur


**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2015**

Nota	Kumpulan		RISDA	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Aset Bukan Semasa				
Hartanah, loji dan peralatan	4	458,459,693	442,639,374	405,372,866
Hartanah pelaburan	5	708,342	734,032	-
Aset hidup	6	2,874,103	3,223,232	-
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	7	-	-	87,694,526
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	8	12,934,780	3,349,999	12,934,780
Jumlah terhutang oleh syarikat-syarikat subsidiari	9	-	-	73,413,512
Perbelanjaan pembangunan ladang	11	450,621,073	445,792,221	444,885,194
Kos pembangunan hartanah	12	7,697,007	7,697,007	-
Pinjaman berjangka	13	139,136,561	127,240,782	117,565,960
Pelaburan lain	14	6,201,872	7,384,890	-
Aset cukai tertunda	15	61,539	439,045	-
		1,078,694,970	1,038,500,582	1,141,866,838
Aset Semasa				
Inventori	16	83,321,699	92,372,184	35,020,911
Belum terima dagangan	17	186,006,567	140,913,533	41,837,371
Belum terima lain	18	345,417,653	314,722,986	139,722,162
Pulangan cukai		3,958,050	6,797,741	-
Jumlah terhutang oleh syarikat-syarikat subsidiari	9	-	-	121,507,519
Jumlah terhutang oleh syarikat-syarikat bersekutu	10	17,901,375	20,714,163	-
Pinjaman berjangka	13	1,698,302	1,577,073	119,551
Simpanan tetap	19	1,990,824,982	2,261,908,154	1,850,816,172
Tunai dan baki di bank		87,480,111	77,582,417	45,526,474
		2,716,608,739	2,916,588,251	2,234,550,160
Liabiliti Semasa				
Belum bayar dagangan	20	61,543,890	47,722,252	4,853,658
Belum bayar lain	21	447,928,581	440,340,697	149,811,060
Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat subsidiari	9	-	-	105,379,252
Pemiutang sewa-beli dan pajakan	22	1,672,488	1,578,607	-
Pinjaman	23	2,000,000	4,340,605	-
Ganjaran persaraan	24	4,690,347	4,784,222	4,690,347
Hasil diterima terdahulu		11,443,031	-	11,443,031
Peruntukan cukai dan zakat		1,919,801	4,487,640	-
		531,198,138	503,254,023	276,177,348
Aset Semasa Bersih				
		2,185,410,601	2,413,334,228	1,958,372,812
		3,264,105,571	3,451,834,810	3,100,239,650

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2015**

Nota	Kumpulan		RISDA	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Modal dan Rizab				
Kumpulan Wang RISDA/Keuntungan Terkumpul	25	2,424,134,793	2,420,307,112	2,283,319,364
Tabung Amanah				
Pembangunan Modal Insan	26	2,493,543	2,493,543	2,493,543
Tabung Wang Pusingan	27	209,273,650	209,273,650	209,273,650
Tabung Tanam Semula Estet RISDA	28	30,359,881	33,323,653	30,359,881
Rizab Modal (Terbitan Bonus)	29	5,000,000	5,000,000	-
Rizab Aset Sedia Dijual		4,108,174	2,693,789	-
		2,675,370,041	2,673,091,747	2,525,446,438
Kepentingan minoriti		-	(923,646)	-
Liabiliti Bukan Semasa				
Geran kerajaan	40	4,508,011	5,857,916	-
Wang amanah	41	552,757,698	740,527,727	552,757,698
Pemiutang sewa-beli dan pajakan	22	4,000,991	3,852,551	-
Pinjaman	23	3,568,995	3,733,995	-
Ganjaran persaraan	24	22,543,252	24,216,528	22,035,514
Liabiliti cukai tertunda	15	1,356,583	1,477,992	-
		588,735,530	779,666,709	574,793,212
		3,264,105,571	3,451,834,810	3,100,239,650

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Nota	Kumpulan		RISDA	
		2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Pendapatan	30	1,561,472,748	1,881,247,934	1,277,453,400	1,478,017,871
Pendapatan operasi lain		142,394,647	120,825,891	101,996,646	85,400,359
Perubahan dalam inventori		(22,129,170)	(64,475,558)	-	-
Perbelanjaan pembangunan ladang		(29,008,251)	(85,369,212)	(14,875,698)	(56,816,160)
Perbelanjaan pembangunan hartanah		-	(8,070,751)	-	-
Bahan mentah dan barang guna-an yang digunakan		(141,177,216)	(187,471,403)	(99,809,063)	(136,988,146)
Pembelian barangan perniagaan		(72,214,870)	(97,381,346)	-	-
Yuran pihak berkuasa dan imbuhan para pengarah	32	(3,610,942)	(3,686,318)	(394,893)	(268,381)
Kos kakitangan	33	(283,763,300)	(281,950,105)	(212,036,515)	(206,499,704)
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	4	(33,296,556)	(26,761,650)	(26,243,416)	(20,018,700)
Susutnilai hartanah pelaburan	5	(25,690)	(14,190)	-	-
Pelunasan aset hidup	6	(23,582)	(222,026)	-	-
Perbelanjaan operasi lain		(1,072,857,461)	(1,124,370,049)	(996,300,963)	(1,065,140,989)
Lebihan/(Kurangan) daripada operasi	31	45,760,357	122,301,217	29,789,498	77,686,150
Kos kewangan	34	(347,684)	(1,356,232)	(93,666)	(244,312)
Syer keuntungan syarikat bersekutu		2,281,781	-	2,281,781	-
Lebihan/(Kurangan) sebelum cukai		47,694,454	120,944,985	31,977,613	77,441,838
Perbelanjaan cukai Zakat	35	(13,536,994)	(11,651,455)	(2,500,225)	461,480
		(1,846,593)	(1,218,312)	-	-
Lebihan/(Kurangan) selepas cukai		32,310,867	108,075,218	29,477,388	77,903,318
Kepentingan minoriti		-	-	-	-
Lebihan/(Kurangan) bersih bagi tahun semasa		32,310,867	108,075,218	29,477,388	77,903,318
Pendapatan komprehensif lain		-	-	-	-
Perubahan nilai saksama aset sedia dijual		1,414,385	1,092,870	(9,258)	(75,616)
Jumlah pendapatan komprehensif dalam tahun semasa		33,725,252	109,168,088	29,468,130	77,827,702
Lebihan/(Kurangan) dalam tahun semasa diagihkan kepada:					
Pemegang ekuiti syarikat		32,310,867	108,075,218	29,477,388	77,903,318
Jumlah pendapatan komprehensif dalam tahun semasa diagihkan kepada:					
Pemegang ekuiti		33,725,252	109,168,088	29,468,130	77,827,702

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Kumpulan	Nota	Kumpulan Wang RISDA/Keuntungan Terkumpul		Tabung Amanah Pembangunan Modal Insan		Tabung Wang Pusingan		Tabung Tanam Semula Estet RISDA		Rizab Modal/ Terbitan Bonus		Rizab Aset Sedia Dijual		Jumlah RM
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	
Baki pada 01 Januari 2015 dinyatakan terdahulu	43	2,467,542,689	2,493,543	2,493,543	209,273,650	33,323,653	5,000,000	2,693,789	2,720,327,324	-	-	-	-	(47,235,575)
Pelarasan tahun sebelum		(47,235,575)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 01 Januari 2015 dinyatakan semula		2,420,307,114	2,493,543	2,493,543	209,273,650	33,323,653	5,000,000	2,693,789	2,673,091,749	-	-	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif dalam tahun semasa		32,310,867	-	-	-	-	-	-	33,725,252	-	-	-	-	-
Pindahan (daripada)/kepada rizab/tabung		2,963,772	-	-	-	(2,963,772)	-	-	-	1,414,385	-	-	-	-
Terbitan saham bonus		-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pembayaran dividen kepada pemegang saham syarikat		-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
subsidiari- kepentingan minoriti/peserta RTBB	36	(7,385,892)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(7,385,892)
Pengagihan keuntungan RTBB	36	(23,987,889)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(23,987,889)
Pengambilan subsidiari		(73,179)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(73,179)
Baki pada 31 Disember 2015		2,424,134,793	2,493,543	2,493,543	209,273,650	30,359,881	5,000,000	4,108,174	2,675,370,041	-	-	-	-	-

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

Kumpulan	Nota		Kumpulan Wang		Tabung Amanah		Tabung Wang		Tabung Tanam		Rizab Modal/ Terbitan Bonus		Rizab Aset Sedia Dijual		Jumlah RM
			RISDA/ Keuntungan	RM	Pembangunan Modal	Insan	Pusingan	RM	Estet RISDA	RM	RM	RM	RM	RM	
Baki pada 01 Januari 2014 dinyatakan terdahulu	43	Pelarasan tahun sebelum	2,385,629,318	2,493,543	209,193,650	41,222,283	5,000,000	1,600,919	2,645,139,713						
			(48,931,723)	-	-	-	-	-	(48,931,723)						
Baki pada 01 Januari 2014 dinyatakan semula			2,336,697,595	2,493,543	209,193,650	41,222,283	5,000,000	1,600,919	2,596,207,990						
Jumlah pendapatan komprehensif dalam tahun semasa			108,075,218	-	-	-	-	-	109,168,088						
Pindahan (daripada)/kepada rizab/tabung			7,898,630	-	80,000.00	(7,898,630)	-	-	80,000						
Terbitan saham bonus			(250,000)	-	-	-	-	-	(250,000)						
Pembayaran dividen kepada pemegang saham syarikat subsidiari- kepentingan minoriti/ peserta RTBB	36		(7,005,672)	-	-	-	-	-	(7,005,672)						
Pengagihan keuntungan RTBB	36		(25,035,480)	-	-	-	-	-	(25,035,480)						
Pengambilan subsidiari			(73,179)	-	-	-	-	-	(73,179)						
Baki pada 31 Disember 2014			2,420,307,112	2,493,543	209,273,650	33,323,653	5,000,000	2,693,789	2,673,091,747						

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

RISDA	Nota		Kumpulan Wang		Tabung Amanah		Tabung Wang		Tabung Tanam		Rizab Aset Sedia Dijual		Jumlah RM
			RISDA/ Keuntungan	RM	Pembangunan Modal	Insan	Pusingan	RM	Estet RISDA	RM	RM	RM	
Baki pada 01 Januari 2015		Jumlah pendapatan komprehensif dalam tahun semasa	2,274,910,985	2,493,543	209,273,650	33,323,653	-	2,520,001,831					
			29,477,388	-	-	-	-	29,477,388					
Pindahan (daripada)/kepada rizab/tabung			2,963,772	-	-	(2,963,772)	-	-					
Pembayaran dividen kepada pemegang saham syarikat subsidiari- kepentingan minoriti	36		(44,892)	-	-	-	-	(44,892)					
Pengagihan keuntungan RTBB	36		(23,987,889)	-	-	-	-	(23,987,889)					
Baki pada 31 Disember 2015			2,283,319,364	2,493,543	209,273,650	30,359,881	-	2,525,446,438					

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

RISDA	Nota	Kumpulan Wang RISDA/Keuntungan Berkumpulan		Tabung Amanah Pembangunan Modal Insan		Tabung Wang Pusingan		Tabung Tanam Semula Estet RISDA		Rizab Aset Sedia Dijual		Jumlah RM
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	
Baki pada 01 Januari 2014		2,214,176,226		2,493,543		209,193,650		41,222,283		75,616		2,467,161,318
Jumlah pendapatan komprehensif dalam tahun semasa		77,903,318		-		-		-		(75,616)		77,827,702
Pindahan (daripada)/kepada rizab/tabung		7,898,630		-		80,000		(7,898,630)		-		80,000
Pembayaran dividen kepada pemegang saham syarikat subsidiari- kepentingan minoriti/peserta RTBB	36	(31,709)		-		-		-		-		(31,709)
Pengagihan keuntungan RTBB	36	(25,035,480)		-		-		-		-		(25,035,480)
Baki pada 31 Disember 2014		2,274,910,985		2,493,543		209,273,650		33,323,653		-		2,520,001,831

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Nota	Kumpulan		RISDA	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA/ (DIGUNAKAN DALAM) AKTIVITI OPERASI				
Lebihan/(Kurangan) sebelum cukai dan kepentingan minoriti	47,694,454	120,944,985	31,977,613	77,441,838
Pelarasan untuk:				
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	33,333,032	26,761,650	26,279,896	20,018,700
Susutnilai hartanah	25,690	14,190	-	-
Pelunasan aset hidup	23,582	222,026	-	-
Peruntukan hutang ragu	12,291,803	8,119,889	-	800
Peruntukan ganjaran persaraan	17,289	25,792	-	-
Pelarasan peruntukan ganjaran persaraan	4,802,177	4,726,627	1,756,438	4,726,627
Inventori dihapuskira	19,299,112	953,764	507	953,764
Hartanah, loji dan peralatan dihapuskira	685,612	563,490	-	-
Aset hidup dihapuskira	344,372	210,417	-	-
Rosotnilai atas pelaburan syarikat- syarikat subsidiari	-	-	-	380,865
Keuntungan dari jualan hartanah, loji dan peralatan	(223,783)	(104,699)	(21,163)	(205,495)
Kos kewangan	1,262,897	1,184,456	93,666	244,312
Pendapatan faedah	(6,276,011)	(5,425,879)	(69,032,325)	(79,459,957)
Pendapatan dividen	(149,383)	(73,690)	(7,699,812)	(6,804,646)
Lebihan/(Kurangan) operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	113,130,843	158,123,018	(16,645,180)	17,296,808

Nota	Kumpulan		RISDA	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Perubahan dalam :				
Inventori	36,986,950	9,475,645	(9,008,730)	21,692,413
Belum terima dagangan	(57,384,837)	(20,513,691)	(9,536,961)	8,092,580
Belum terima lain	(19,251,638)	(159,166,987)	10,945,420	(6,886,991)
Jumlah terhutang oleh syarikat-syarikat subsidiari	-	-	(14,107,094)	(27,563,266)
Belum bayar dagangan	13,821,638	(12,775,295)	734,921	(2,032,689)
Belum bayar lain	(53,648,650)	170,644,138	1,616,743	25,723,766
Pembangunan hartanah	-	6,962,718	-	-
Jumlah terhutang oleh syarikat-syarikat bersekutu	2,812,789	4,345,715	-	-
Tunai (diguna)/dijanakan daripada aktiviti operasi	36,467,095	157,095,261	(36,000,881)	36,322,621
Pinjaman bersih	(12,017,008)	(10,214,372)	(9,315,649)	(6,875,840)
Pembayaran perbelanjaan pembangunan ladang	(4,828,852)	(9,774,782)	(5,088,742)	(10,034,671)
Pembayaran ganjaran persaraan	(2,249,322)	(5,300,313)	(1,730,511)	(2,118,946)
Pembayaran cukai	(12,574,590)	(10,799,536)	-	-
Geran	(189,119,934)	(93,243,720)	(187,770,029)	(94,847,077)
Cukai dikembalikan	-	311,662	-	-
Zakat	(1,846,593)	(502,213)	-	-
Tunai bersih (diguna)/dijana daripada aktiviti operasi	(186,169,204)	27,571,987	(239,905,812)	(77,553,913)

		Kumpulan		RISDA	
	Nota	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA/ (DIGUNAKAN DALAM) AKTIVITI PELABURAN					
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	37	(67,216,741)	(73,168,146)	(57,241,599)	(60,118,695)
Penerimaan daripada jualan hartanah, loji dan peralatan		685,612	675,278	-	-
Pembelian aset hidup	37	(18,825)	(55,614)	-	-
Pembelian hartanah pelaburan		-	(460,000)	-	-
Tambahan pelaburan dalam syarikat bersekutu		(12,934,780)		(12,934,780)	-
Perolehan dari jualan pelaburan		4,533,017	-	-	-
Pembelian pelaburan lain		-	(1,560,808)	-	-
Faedah diterima		6,276,011	5,425,879	69,032,325	79,459,957
Dividen diterima		149,383	73,690	7,699,812	6,804,646
Pembelian saham daripada anak syarikat		-	-	6,749,996	(107,100)
Tunai bersih (diguna)/dijana daripada aktiviti pelaburan		(68,526,323)	(69,069,721)	13,305,754	26,038,808

Nota	Kumpulan		RISDA	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA/ (DIGUNAKAN DALAM) AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Pembayaran dividen kepada pekebun-pekebun kecil di bawah program Rancangan Tanam Baru Berkelompok	-	-	(23,987,889)	(25,035,480)
Pembayaran dividen kepada pemegang saham syarikat subsidiari -kepentingan minoriti	-	-	(44,892)	(31,709)
Pembayaran pinjaman berjangka	(2,505,605)	(4,267,075)	(2,340,605)	(3,767,075)
Kos kewangan dibayar	(1,161,121)	(1,184,456)	(93,666)	(244,312)
Pembiayaan pemiutang sewa beli dan pajakan	-	2,139,764	-	-
Pembayaran kepada pemiutang sewa beli dan pajakan	242,321	(2,328,397)	-	-
Amanah Pembangunan Modal Insan	-	-	-	-
Tabung Wang Pusingan	-	80,000	-	80,000
Tabung Tanam Semula Estet RISDA	(2,963,772)	(7,898,630)	(2,963,772)	(7,898,630)
Tunai bersih digunakan daripada aktiviti pembiayaan	(6,388,177)	(13,458,794)	(29,430,824)	(36,897,206)

Nota	Kumpulan		RISDA	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
PERTAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN TUNAI SETARA				
	(261,083,702)	(54,956,528)	(256,030,882)	(88,412,311)
TUNAI DAN TUNAI SETARA PADA AWAL TAHUN				
	2,338,988,795	2,393,945,323	2,152,373,528	2,240,785,839
TUNAI DAN TUNAI SETARA PADA AKHIR TAHUN				
	2,077,905,093	2,338,988,795	1,896,342,646	2,152,373,528
TUNAI DAN TUNAI SETARA TERDIRI DARIPADA:				
Simpanan tetap	19	1,990,824,982	2,261,908,154	1,850,816,172
Tunai dan baki di bank		87,480,111	77,582,417	45,526,474
Simpanan tetap dicagarkan	19	(400,000)	(400,000)	-
Overdraf bank		-	(101,776)	-
		2,077,905,093	2,338,988,795	1,896,342,646

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

Kumpulan bergiat di dalam pentadbiran Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula), mengurus dan mengendalikan rancangan-rancangan yang disediakan dan diluluskan di bawah peruntukan Bahagian III, Ordinan Kumpulan Wang (Penanaman Semula) 1952, merancang dan melaksana segala inovasi bagi sektor pekebun kecil, perniagaan pertanian, perkhidmatan broker insurans, perkhidmatan keselamatan, perkhidmatan pengangkutan, perkhidmatan pengurusan di bawah operasi bengkel dan pembangunan hartanah secara usahasama.

Kegiatan-kegiatan utama RISDA ialah mentadbir Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952, mengurus dan mengendalikan rancangan-rancangan yang disediakan dan diluluskan di bawah peruntukan Bahagian III, Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952 dan merancang dan melaksana segala inovasi bagi sektor pekebun-pekebun kecil.

Kegiatan utama syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 7.

Tiada perubahan yang ketara ke atas kegiatan utama Kumpulan dan RISDA sepanjang tahun kewangan semasa.

Penyata Kewangan belum beraudit telah dibentangkan dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa RISDA pada 26 April 2016 untuk dikemukakan kepada Ketua Audit Negara bagi tujuan pengauditan oleh Jabatan Audit Negara. Pada 25 Ogos 2016 Penyata Kewangan ini telah dibentangkan sekali lagi setelah mengambil kira pelarasan audit.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas Penyediaan

Penyata kewangan telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan mematuhi peruntukan dalam Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (“MASB”) bagi entiti selain daripada entiti persendirian. Pada permulaan tahun kewangan semasa, Kumpulan dan RISDA telah menerima pakai Piawaian Pelaporan Kewangan atau “Financial Reporting Standards” (FRSs) yang baru dan disemak semula serta Interpretasi seperti dinyatakan dalam Nota 2.2(a) kepada penyata kewangan.

2.2 Dasar-dasar perakaunan penting yang diterima pakai oleh Kumpulan dan RISDA adalah seperti berikut:-

a) Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan

Dasar-dasar perakaunan yang telah diterima pakai adalah konsisten seperti tahun kewangan yang lepas kecuali yang berikut:

Pada 1 Januari 2011, Kumpulan dan RISDA telah menerima pakai FRS yang baru dan disemak semula untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2011.

FRSs dan Pindaan	Tarikh Kuatkuasa
FRS 1: Penggunaan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan	01 Januari 2011
FRS 3: Penggabungan Perniagaan	01 Januari 2011
Pindaan kepada FRS 101 Pembentangan Pendapatan Tentang Instrumen Kewangan	01 Julai 2012
Pindaan-pindaan kepada FRS 127: Penyatuan dan Pengasingan Laporan Kewangan	01 Januari 2011
Pindaan kepada FRS 7: Instrumen Kewangan: Pendedahan	01 Januari 2011
Pindaan kepada FRS 132: Instrumen Kewangan: Pembentangan	01 Januari 2011
Pindaan kepada FRS 139: Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran	01 Januari 2011

b) FRSs Dan Pindaan Yang Diterbitkan Tetapi Masih Belum Berkuatkuasa

Kumpulan dan RISDA masih belum mengadaptasi piawaian-piawaian berikut yang telah diterbitkan tetapi belum efektif:

FRSs/Pindaan	Tarikh Kuatkuasa
Pindaan kepada FRS 1	Pengecualian Tambahan Untuk Penggunaan Kali Pertama
Pindaan kepada FRS 7	Pembaikan Pendedahan Tentang Instrumen Kewangan
Pindaan kepada FRS 112	Cukai Tertunda: Pemulihan Aset
FRS 9	Instrumen Kewangan
FRS 10	Penyatuan Kewangan
FRS 127	Pengasingan Laporan Kewangan
FRS 128	Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu

Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia

Pada 19 November 2011, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysian (MASB) mengeluarkan satu rangka kerja perakaunan baru yang diluluskan oleh MASB, Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Rangka Kerja MFRS).

Rangka Kerja MFRS adalah untuk digunakan oleh semua Entiti selain daripada Entiti Persendirian untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2012, kecuali entiti yang terdapat dalam skop MFRS 141 Pertanian (MFRS 141) dan Tafsiran IC 15 Perjanjian untuk Pembinaan Hartanah (IC 15), termasuk syarikat induk, pelabur besar dan pengusaha.

Kumpulan dikehendaki menyediakan penyata kewangan menggunakan Rangka Kerja MFRS dalam MFRS penyata kewangan pertama bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012. Dalam pembentangan MFRS penyata kewangan pertama, Syarikat dikehendaki menyatakan semula perbandingan penyata kewangan kepada jumlah yang mencerminkan aplikasi Rangka Kerja MFRS. Majoriti pelarasan yang diperlukan dalam peralihan akan dibuat, secara retrospektif, terhadap pendapatan terkumpul terbuka.

Kumpulan belum menyiapkan penilaian kesan kewangan antara perbezaan Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan dengan piawaian perakaunan dalam Rangka Kerja MFRS. Sewajarnya, penyatuan prestasi kewangan dan posisi kewangan seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 akan berbeza jika disediakan mengikut Rangka Kerja MFRS.

Kumpulan dianggap mencapai pencapaian yang dijadualkan dan dijangka dalam posisi mematuhi sepenuhnya keperluan dalam Rangka Kerja MFRS bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

Kumpulan dan RISDA telah mendapat pengecualian daripada Kementerian Kewangan bertarikh 1 Jun 2011 ” *jika RISDA tidak dapat mematuhi mana-mana piawaian perakaunan yang berkaitan, perkara tersebut hendaklah didedahkan dalam penyata kewangan RISDA* ”.

c) Fungsi dan Pembentangan Matawang

Penyata kewangan Kumpulan dan RISDA telah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan matawang fungsian Kumpulan dan RISDA.

d) Penggunaan Anggaran dan Pertimbangan

Penyediaan penyata kedudukan kewangan mengkehendaki pengurusan membuat pertimbangan anggaran dan andaian yang membabitkan penggunaan dasar perakaunan dan nilai aset yang dilaporkan, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang mana keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran.

Anggaran dan asas andaian akan sentiasa disemak semula secara berterusan. Anggaran dan pertimbangan yang mempunyai risiko signifikan untuk pelarasan ke atas nilai bawaan aset dan liabiliti pada masa akan datang adalah seperti berikut:

i) Jangka Hayat dan Nilai Sisa Hartanah, Loji dan Peralatan

Susutnilai hartanah, loji dan peralatan dinilai berdasarkan kadar tempoh yang sama mengikut anggaran hayat penggunaannya. Pihak pengurusan sentiasa memantau anggaran jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut.

ii) Aset Cukai Tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi seluruh elaun modal yang belum diserap iaitu sehingga ianya berkemungkinan bahawa pendapatan masa hadapan yang akan dikenakan cukai terhadapnya akan sedia ada untuk diserap yang mana elaun modal boleh digunakan. Pertimbangan pihak pengurusan adalah penting bagi memastikan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf adalah dengan berasaskan tempoh masa yang sesuai dan tahap pendapatan di masa hadapan yang akan dikenakan cukai bersertakan dengan strategi rancangan cukai masa hadapan. Jumlah elaun modal yang tidak diserap pada tahun semasa boleh dilihat pada Nota 16 pada penyata kewangan.

iii) Syarikat Bersekutu Yang Tidak Diambilkira dalam Ekuiti Dalam Penyata Kewangan Kumpulan

Seperti yang dinyatakan dalam Nota 8 kepada penyata kewangan, terdapat sebahagian daripada syarikat-syarikat bersekutu yang tidak mempunyai penyata kewangan beraudit. Tanpa mengambil kira bahagian keuntungan daripada syarikat bersekutu terbabit, ia tidak mempunyai kesan ketara kepada Kumpulan.

e) Pendapatan

Pendapatan Kumpulan mewakili geran kerajaan, kutipan ses, jumlah kasar barangan jualan yang diinvoiskan, pendapatan sewa, yuran pengurusan dan perkhidmatan perundingan, komisen bersih selepas ditolak yuran pengenalan pelanggan berkaitan dengan perniagaan ejen insurans, perkhidmatan keselamatan, perkhidmatan pengangkutan dan pendapatan dari yuran kursus dan latihan.

Pendapatan RISDA mewakili geran kerajaan, kutipan ses, jumlah kasar barangan jualan yang diinvoiskan dan pendapatan sewa.

Pendapatan diiktiraf mengikut asas berikut:

Geran kerajaan – apabila hak untuk menerima geran dikenal pasti.

Kutipan ses dari Kastam – apabila wang ses diterima daripada Kastam Di Raja Malaysia.

Kutipan ses dari Lembaga Getah Malaysia (LGM) – apabila wang diterima daripada LGM bagi getah yang dijual dalam negeri.

Nilai kasar atas jualan barangan diinvois – selepas penghantaran barangan dan terimaan oleh pelanggan, ditolak diskaun, kembalian dan apabila risiko serta manfaat pemilikan berpindah kepada pelanggan.

Pendapatan sewa – atas dasar akruan selaras dengan kandungan perjanjian sewaan berkaitan.

Yuran pengurusan dan perkhidmatan perundingan, perkhidmatan keselamatan dan perkhidmatan pengangkutan – apabila perkhidmatan dilaksanakan.

Komisen selepas ditolak yuran pengenalan pelanggan – berdasarkan kepada tarikh permulaan atau tarikh bil yang mana terkemudian; dan pelarasan premium, termasuk pembatalan dasar, diiktiraf apabila ia berlaku.

Pendapatan daripada yuran kursus dan latihan – apabila kursus dan latihan telah dijalankan.

f) Cukai

RISDA dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi tempoh mulai dari tahun taksiran 1974 hingga 2001. Pengecualian cukai ini tidak meliputi pendapatan dividen, cukai pembangunan RISDA dan syarikat-syarikat subsidiari.

Mulai tahun taksiran 2002, RISDA tertakluk kepada cukai pendapatan ke atas pendapatannya selain daripada berikut:

- a. Peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri dalam bentuk geran untuk membiayai perbelanjaan mengurus;
- b. Peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri untuk membiayai perbelanjaan pembangunan, sama ada dalam bentuk geran ataupun pinjaman;
- c. Pendapatan ses yang diterima daripada Jabatan Kastam dan Lembaga Getah Malaysia; dan
- d. Apa-apa derma ataupun subsidi yang diterima.

Cukai tertunda diakaunkan dengan menggunakan kaedah “Lembaran Imbangan” apabila terdapat perbezaan sementara di antara nilai bawa aset dan liabiliti dalam penyata-penyata kewangan dengan asas cukai yang digunakan dalam pengiraan keuntungan boleh dicukai.

Liabiliti cukai tertunda secara amnya diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh diberikan potongan, kerugian cukai dan kredit cukai belum digunakan setakat terdapat kemungkinan di mana keuntungan bercukai akan berlaku terhadapnya perbezaan sementara yang boleh diberikan potongan, kerugian cukai dan kredit cukai belum digunakan boleh dipakai.

g) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

Nilai bawaan aset selain daripada inventori, aset wujud dari kontrak-kontrak pembinaan, aset cukai tertunda, hartanah pelaburan dan aset bukan semasa dipegang untuk dijual akan disemak pada setiap tarikh lembaran imbangan untuk mengenal pasti sama ada terdapat petunjuk sebarang rosot nilai. Sekiranya petunjuk kemerosotan nilai ini wujud, aset berkenaan akan dibuat anggaran nilai boleh pulih. Kerugian kemerosotan nilai akan diiktiraf apabila nilai aset atau unit penghasil tunai melebihi nilai boleh pulih. Kerugian

kemerosotan nilai ini akan dicajkan kepada penyata pendapatan komprehensif. Pembalikan kerugian kemerosotan nilai selain dari muhibah akan diiktiraf setakat mana nilai bawaan tersebut tidak melebihi nilai boleh pulih yang dianggarkan selepas ditolak susutnilai atau pelunasan sekiranya tiada kerugian kemerosotan nilai yang dikenakan sebelum ini. Kesemua pembalikan kerugian kemerosotan nilai akan dicaj kepada penyata pendapatan komprehensif, kecuali untuk aset yang dinilai semula, yang mana pembalikan ini akan meningkatkan nilai semula tersebut.

h) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan aset ditentukan sebagai perbezaan di antara anggaran perolehan bersih dan nilai buku aset dan akan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

Susutnilai untuk hartanah, loji dan peralatan, selain daripada tanah milik bebas dan bangunan dalam pembinaan yang tidak disusutnilaikan, dikira berasaskan kaedah garis lurus pada kadar berdasarkan penilaian di sepanjang tempoh anggaran hayat penggunaannya.

Kadar utama susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

Tanah pajakan	Mengikut jangkamasa pajakan
Bangunan konkrit dan bukan konkrit	2% - 20%
Perabot, kelengkapan pejabat, komputer dan kenderaan	8% - 33.33%
Loji dan mesin	5% - 20%

i) Aset Hidup

Aset hidup Kumpulan terdiri daripada lembu-lembu baka pejantan dan baka induk yang dinyatakan pada nilai kos. Kos terdiri daripada harga belian asal dan kos-kos lain yang ditanggung untuk membawa aset hidup ke lokasi semasa. Kos operasi pembiakan diagihkan secara purata kepada baka induk berdasarkan kepada jumlah keseluruhan bilangan lembu yang ditenak. Amalan ini selaras dengan rangka pendedahan MASB ED50 Pertanian (piawaian perakaunan yang diluluskan) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

(i) Kos baka pejantan dan baka induk

Kos baka pejantan dan baka induk merupakan nilai yang diinvois oleh pembekal. Kos ini masing-masing dilunaskan selama 5 tahun dan 6 tahun dari tarikh pembelian.

Dasar pelunasan yang digunapakai adalah bersesuaian dan tidak melebihi anggaran tempoh jangka hayat produktif baka-baka tersebut selama 8 tahun.

(ii) Kos pembiakan

Kos pembiakan merupakan kos-kos langsung yang diagihkan secara purata kepada baka induk bermula dari tarikh perbelanjaan dibuat sehingga baka tersebut melahirkan anak. Kos ini dilunaskan serentak dengan dasar pelunasan baka induk seperti yang dinyatakan di perenggan (i).

Kos pembiakan yang dibuat selepas baka induk melahirkan anak akan diambil kira dalam penyata pendapatan dalam tahun perbelanjaan dibuat.

j) **Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan Melalui Perjanjian Sewa-Beli**

Hartanah, loji dan peralatan yang dibeli melalui perjanjian sewa-beli dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan dan obligasi bersamaannya diambil kira sebagai liabiliti. Caj kewangan diperuntukkan ke dalam penyata pendapatan komprehensif sepanjang tempoh perjanjian tersebut untuk memberi kadar caj semasa tetap ke atas baki liabiliti sewa-beli tersebut.

k) **Aset Pajak**

Aset yang dibeli di bawah pajak yang terdapat pemindahan manfaat dan risiko pemilikan yang besar kepada penerima pajak dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan. Aset dan kewajipan sewaan berkenaan telah direkod pada nilai berpatutan harta pajak yang menghampiri nilai kini bayaran sewa minimum pajak pada permulaan terima pajak.

Kos kewangan yang merupakan perbezaan di antara jumlah komitmen pajak dan nilai saksama aset yang dibeli akan diperuntukkan ke dalam penyata pendapatan komprehensif sepanjang tempoh pajak untuk memberi kadar caj semasa yang tetap ke atas baki liabiliti pajak tersebut. Semua pajak lain yang tidak memenuhi kriteria di atas akan diklasifikasikan sebagai pajak operasi dan sewa berkenaan akan diperuntukkan ke dalam penyata pendapatan komprehensif semasa dibelanjakan.

l) **Aset Kewangan**

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan jika, dan hanya jika, Kumpulan dan RISDA menjadi salah satu pihak dalam peruntukan kontrak.

Apabila aset kewangan telah diiktiraf pada mulanya, ianya dikira pada nilai saksama, tambah, dalam situasi aset kewangan bukan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, akan terus diagihkan kepada kos transaksi.

Kumpulan dan RISDA menentukan klasifikasi aset kewangan pada permulaan pengiktirafan, dan kategori-kategori aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pinjaman dan penghutang, pelaburan yang dipegang sehingga matang dan aset kewangan yang sedia dijual. Kumpulan dan RISDA tidak mempunyai aset kewangan selain daripada yang dinyatakan seperti di bawah.

i) ***Pinjaman dan Belum Terima***

Aset kewangan dengan pembayaran yang tetap atau boleh ditentukan yang bukan disenaraikan dalam pasaran yang aktif adalah diklasifikasikan sebagai pinjaman dan belum terima.

Selepas daripada pengiktirafan permulaan, pinjaman dan belum terima dikira pada kos pelunasan dengan menggunakan kadar faedah efektif. Keuntungan atau kerugian adalah diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pinjaman dan belum terima adalah diiktiraf atau dirosot nilai, dan melalui proses rosot nilai.

Pinjaman dan belum terima diklasifikasikan sebagai aset semasa, kecuali yang mana mempunyai tarikh matang lebih daripada 12 bulan selepas tarikh laporan yang mana ianya diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

ii) ***Pelaburan Yang Dipegang Sehingga Tarikh Matang***

Aset kewangan dengan pembayaran yang tetap atau boleh ditentukan dan tempoh matang yang tetap adalah diklasifikasikan sebagai dipegang sehingga matang apabila Kumpulan dan RISDA mempunyai kehendak positif dan keupayaan untuk memegang pelaburan itu sehingga matang.

Selepas permulaan pengiktirafan, pelaburan yang dipegang sehingga tarikh matang diukur pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Keuntungan dan kerugian adalah diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pelaburan yang dipegang sehingga tarikh matang dilupus atau dirosot nilai, dan melalui proses pelunasan.

Pelaburan yang dipegang sehingga tarikh matang adalah diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa, kecuali yang mempunyai kematangan dalam masa 12 bulan selepas tarikh laporan yang mana diklasifikasikan sebagai semasa.

iii) ***Aset Kewangan Yang Sedia Untuk Dijual***

Aset kewangan yang sedia untuk dijual adalah aset kewangan yang dianggap sebagai tersedia untuk dijual atau tidak diklasifikasikan dalam sebarang tiga kategori sebelum ini.

Selepas permulaan pengiktirafan, harta kewangan yang tersedia untuk dijual diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai saksama aset kewangan itu diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif lain, kecuali rosot nilai, keuntungan dan kerugian tukaran asing ke atas instrumen kewangan dan faedah dikira dengan menggunakan kadar faedah efektif dan diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian terkumpul yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi sebagai penyesuaian klasifikasi apabila harta itu tidak diiktiraf. Pendapatan faedah dikira menggunakan kaedah faedah efektif yang diiktiraf dalam untung atau rugi. Dividen atas instrumen ekuiti yang sedia untuk dijual diiktiraf dalam untung atau rugi apabila hak Kumpulan dan RISDA untuk menerima pembayaran sudah pasti.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang mana nilai saksama tidak boleh diukur dengan betul adalah diukur pada kos tolak kerugian rosot nilai.

Sebuah aset kewangan tidak diiktiraf yang mana hak kontraktual untuk menerima aliran tunai daripada aset telah matang. Ketidaktirafan aset kewangan dalam keseluruhannya, perbezaan antara nilai bawaan dan jumlah yang diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang tidak diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain adalah diiktiraf di dalam untung atau rugi.

Cara biasa pembelian atau penjualan adalah pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penghantaran aset dalam masa yang biasanya ditubuhkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran yang berkenaan. Semua cara pembelian dan penjualan biasa bagi aset kewangan adalah diiktiraf pada tarikh diperdagangkan.

m) Rosot Nilai Aset Kewangan

Kumpulan dan RISDA dinilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan telah dirosot nilai.

Belum Terima Dan Aset Kewangan Lain Yang Dibawa Pada Kos Pelunasan

Untuk menentukan terdapat bukti objektif bahawa rosot nilai aset kewangan telah berlaku, Kumpulan dan RISDA menganggap faktor seperti kemungkinan muflis atau tekanan kewangan yang signifikan para belum terima dan kegagalan atau pembayaran lewat yang signifikan. Bagi sesetengah kategori aset kewangan, aset yang telah dinilai untuk tidak dirosot nilai secara individu adalah dinilai selepas itu untuk rosot nilai pada dasar kolektif berdasarkan sifat yang sama. Bukti objektif rosot nilai untuk portfolio belum terima boleh termasuk pengalaman lepas Kumpulan dan RISDA dalam memungut pembayaran, peningkatan dalam jumlah pembayaran lewat dalam portfolio yang lepas, purata tempoh kredit dan perubahan yang dilihat dalam situasi ekonomi nasional atau tempatan yang selari dengan kegagalan pembayaran oleh belum terima.

Jika sebarang bukti wujud, jumlah rosot nilai akan dikira sebagai perbezaan antara nilai bawaan aset dan nilai terkini anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset kewangan yang asal. Rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

n) Asas Penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan meliputi penyata kewangan Kumpulan dan RISDA pada tarikh laporan. Penyata kewangan Kumpulan yang digunakan dalam laporan kewangan yang disatukan disediakan bagi tempoh perakaunan yang sama dengan RISDA. Dasar-dasar perakaunan yang konsisten diguna pakai dengan transaksi-transaksi dan peristiwa dalam keadaan yang serupa.

Kesemua baki antara kumpulan, pendapatan dan perbelanjaan dan keuntungan dan kerugian yang belum direalisasi hasil daripada transaksi antara kumpulan telah dihapuskan secara penuh.

Pengambilalihan syarikat-syarikat subsidiari akan diambil kira dengan menggunakan kaedah pembelian kecuali pengambilalihan subsidiari-subsidiari yang memenuhi kriteria untuk penggabungan, yang mana, pengambilalihan itu akan menggunakan prinsip perakaunan penggabungan.

Di bawah kaedah pembelian, aset-aset yang dikenal pasti yang diambil alih dan andaian kontingen liabiliti dalam penggabungan perniagaan disukat pada mulanya pada nilai wajar pada tarikh pengambilalihan. Penyesuaian kepada nilai wajar terbabit berkenaan faedah yang telah diambil alih sebelumnya adalah dianggap sebagai penilaian semula dan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain. Kos bagi penggabungan perniagaan diukur sebagai nilai wajar agregat, pada tarikh pertukaran, akan aset yang diberi, liabiliti yang telah berlaku atau diandai, dan instrumen ekuiti yang telah diisu, ditambah dengan setiap kos secara langsung daripada penggabungan perniagaan. Setiap lebihan daripada kos penggabungan perniagaan dalam hak Kumpulan dalam nilai wajar bersih bagi aset subsidiari yang diambil alih, liabiliti dan kontingen liabiliti adalah diiktiraf sebagai muhibah di dalam penyata posisi kewangan. Setiap lebihan daripada hak kumpulan dalam nilai wajar bersih bagi aset subsidiari yang diambil alih, liabiliti dan kontingen liabiliti dengan kos penggabungan perniagaan adalah diiktiraf sebagai pendapatan atau kerugian pada tarikh pengambilalihan. Apabila Kumpulan mengambilalih sesuatu perniagaan, terbitan terbenam yang dipisahkan dari kontrak hos oleh entiti yang diambil alih akan dikaji semula ketika penggabungan, melainkan penggabungan keputusan menyebabkan perubahan dalam syarat-syarat kontrak tersebut dan secara signifikan mengubah aliran tunai yang lain sepatutnya diperlukan di bawah kontrak itu.

Di bawah kaedah penggabungan perakaunan, sebarang perbezaan antara jumlah pelaburan yang dibawa dan nilai wajar saham yang diperoleh adalah diiktiraf sebagai rizab penyatuan atau defisit. Keputusan subsidiari-subsidiari yang digabungkan telah dimasukkan bagaikan penyatuan itu telah berlaku pada tahun ini dan tahun-tahun yang lalu.

Setiap subsidiari telah digabungkan dari tarikh pengambilalihan, yang mana tarikh itu merupakan tarikh Kumpulan memperoleh kawalan dan terus digabungkan sehingga tarikh kawalan itu telah berakhir.

o) Pelaburan dalam Syarikat-syarikat Subsidiari

Pelaburan dalam saham tak tersiarharga syarikat-syarikat subsidiari yang dihapuskan semasa penyatuan, dinyatakan pada kos dalam penyata kewangan RISDA. Apabila terdapat tanda-tanda akan berlaku kerugian kemerosotan nilai pada aset, amaun dibawa pelaburan berkenaan dinilai semula dan akan terus disusutkirakan kepada nilai boleh dipulih pelaburan berkenaan.

p) Pelaburan dalam Syarikat-syarikat Bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu adalah syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang di antara 20 peratus hingga 50 peratus dalam modal ekuiti dan Kumpulan mempunyai pengaruh yang penting dalam dasar kewangan dan operasi melalui perwakilan dalam Lembaga Pengarah.

Sekiranya terdapat tanda-tanda kemerosotan nilai pada aset, nilai bawaan pelaburan berkenaan dinilai semula dan akan terus disusutkirakan ke nilai boleh dipulih pelaburan berkenaan.

q) Perbelanjaan Pembangunan Ladang

(i) *Perbelanjaan tanaman baru*

Perbelanjaan untuk kawasan baru yang ditanam dan juga pembiayaan bagi penyelenggaraan kawasan tersebut dipermodalkan sebagai perbelanjaan pembangunan ladang dari permulaan sehingga peringkat kematangan dan tidak dilunaskan. Peringkat kematangan merujuk kepada masa bila kawasan mencapai titik pulangan modal atau 80% daripada tanaman telah mengeluarkan hasil, yang mana terdahulu.

Perbelanjaan ini akan dilunaskan apabila tanaman yang sedia ada ditebang atau ditukar ganti dengan jenis tanaman lain daripada yang asal.

(ii) *Perbelanjaan tanaman semula*

Perbelanjaan tanaman semula diambil kira dalam penyata pendapatan komprehensif dalam tahun perbelanjaan dibuat.

r) Kos Pembangunan Hartanah

Kos pembangunan hartanah merangkumi setiap kos yang berkait terus kepada aktiviti pembangunan atau kos yang diperuntukkan secara munasabah terhadap aktiviti-aktiviti tersebut.

Apabila hasil kewangan dari pembangunan hartanah itu dapat dinilai secara munasabah, pendapatan dan perbelanjaan pembangunan hartanah dinyatakan dalam penyata pendapatan komprehensif berdasarkan kaedah peringkat jangka siap. Peringkat jangka siap dikenalpasti dengan tinjauan kerja-kerja yang telah dilakukan.

Di mana hasil kewangan sesuatu aktiviti pembangunan tidak dapat dianggarkan secara berkesan, hasil pembangunan hartanah diiktiraf hanya pada peringkat kos pembangunan hartanah yang berkemungkinan diperolehi kembali, serta kos pembangunan hartanah ke atas hartanah yang dijual sebagai perbelanjaan pada jangkamasa ia berlaku.

Sebarang jangkaan kerugian ke atas projek pembangunan, termasuk kos yang terlibat dalam jangkamasa liabiliti kemerosotan, diiktiraf segera sebagai perbelanjaan.

Kos pembangunan hartanah yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan, diiktiraf sebagai aset, dan diukur pada kos di bawah nilai nyata.

Lebih pendapatan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif melalui pernyataan harga kepada pembeli-pembeli dikelaskan sebagai pernyataan terakru dalam terimaan dagangan dan kelebihan pernyataan harga kepada pembeli-pembeli di atas pendapatan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif dikelaskan sebagai pernyataan berkala dalam dagangan harus dibayar.

s) Inventori

Inventori yang terdiri daripada minyak sawit mentah, isirong, pengeluaran berasaskan getah, baja, bahan kimia, kacang penutup bumi, peralatan ladang, alat gantian dan inventori berjenis ternakan, dinyatakan pada kos atau nilai boleh realisasi bersih, yang mana lebih rendah. Kos dinyatakan berdasarkan kos purata berwajaran. Kos terdiri daripada harga belian asal dan kos-kos lain yang ditanggung untuk membawa inventori ke lokasi semasa. Nilai pasaran bersih terdiri daripada nilai anggaran jualan biasa ditolak kos-kos jualan dan pengedaran dan semua kos terlibat dalam penyiapan barangan.

Inventori yang terdiri daripada ternakan dinilai mengikut nilai pasaran bersih selepas mengambil kira anggaran kos pada masa jualan dibuat. Nilai pasaran bersih adalah nilai pasaran ternakan tersebut selepas ditolak kos pengangkutan dan kos lain yang terlibat bagi urusan membawa ternakan tersebut ke pasar. Anggaran kos pada masa jualan termasuk pembayaran komisen, cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa percukaian, dan cukai pindahan dan duti, jika berkenaan.

t) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diklasifikasikan berdasarkan isi kandungan tatacara kontrak yang dimasuki dan maksud tanggungan kewangan.

Liabiliti kewangan, dalam skop FRS 139, adalah diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan jika, dan hanya jika, Kumpulan dan RISDA menjadi pihak bagi peruntukan kontrak kepada instrumen kewangan. Liabiliti kewangan adalah diklasifikasikan sebagai liabiliti kewangan pada nilai wajar melalui untung atau rugi atau liabiliti kewangan yang lain. Kumpulan dan RISDA tidak mempunyai liabiliti kewangan pada nilai saksama bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 selain daripada yang dinyatakan dibawah.

i) *Liabiliti Kewangan Yang Lain*

Liabiliti kewangan Kumpulan dan RISDA termasuk belum bayar dagangan dan lain-lain belum bayar.

Belum bayar dagangan dan lain-lain belum bayar diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama tambah kos transaksi yang timbul secara langsung dikira pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

Pinjaman adalah diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama, kos transaksi bersih yang berlaku, dan selepasnya diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif. Pinjaman diklasifikasikan sebagai liabiliti semasa kecuali Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menangguhkan pembayaran liabiliti kepada sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh laporan.

Untuk liabiliti kewangan yang lain, keuntungan dan kerugian apabila liabiliti telah diiktiraf, dan melalui proses pelunasan.

Liabiliti kewangan tidak diiktiraf apabila kewajipan di bawah liabiliti telah dihapuskan. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan oleh yang lain dari peminjam yang sama pada syarat yang berbeza, atau syarat pada liabiliti yang ada ditukar secara ketara, perubahan itu dikenalpasti sebagai penarikbalikan liabiliti dan pengiktirafan liabiliti baru dan perbezaan dari segi nilai bawaan adalah diiktiraf dalam untung atau rugi.

u) Peruntukan Liabiliti

Peruntukan liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai kewajipan hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut dan anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi jumlah tersebut. Peruntukan akan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka perlu untuk menjelaskan kewajipan tersebut.

v) Ganjaran Kakitangan**(a) Ganjaran kakitangan jangka pendek**

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit, bonus dan ganjaran-ganjaran bukan kewangan akan diakrukan dalam tempoh perkhidmatan diberikan oleh kakitangan terbabit kepada Kumpulan dan RISDA.

(b) Ganjaran selepas tamat perkhidmatan

Kumpulan mempunyai beberapa skim ganjaran selepas perkhidmatan. Skim ini dikenali sebagai sumbangan kepada kumpulan wang simpanan dan rancangan persaraan yang diluluskan dan sumbangan kepada dana persaraan jenis tanpa pembiayaan dan tanpa sumbangan.

(i) Sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan dan rancangan persaraan yang diluluskan.

Kumpulan dan RISDA membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan diakaunkan dalam penyata pendapatan komprehensif dalam tempoh yang berkenaan. Kumpulan dan RISDA tidak mempunyai tanggungan untuk lain-lain bayaran sebaik sahaja pembayaran sumbangan dibuat.

(ii) Dana persaraan jenis tanpa pembiayaan dan tanpa sumbangan.

Kumpulan dan RISDA membuat sumbangan kepada dana persaraan jenis tanpa pembiayaan dan tanpa sumbangan untuk semua kakitangan yang layak dan disahkan jawatan. Sumbangan dan peruntukan bagi ganjaran persaraan dipertimbangkan berdasarkan kadar gaji pokok bulanan bagi setiap kakitangan tetap yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima tahun. Peruntukan ini dicajkan kepada penyata pendapatan komprehensif dan penyata kedudukan kewangan dalam tahun ia ditanggung dan diiktiraf sebagai liabiliti.

(c) Ganjaran Berhenti Kerja

Ganjaran berhenti kerja adalah pampasan kepada pekerja yang berhenti kerja sebelum tarikh persaraan atau pekerja yang menerima persaraan sukarela. Kumpulan dan RISDA akan mengakrukan ganjaran berhenti kerja apabila

persaraan pekerja terlibat tanpa penarikan balik atau persaraan adalah akibat tawaran persaraan sukarela dapat dijangka.

w) Geran Kerajaan

Geran yang diterima daripada kerajaan akan diiktiraf pada nilai saksama apabila hak penerimaan geran telah dikenal pasti dan RISDA akan memenuhi segala syarat yang disertakan.

Geran kerajaan yang berkaitan dengan kos akan ditunda dan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif ke atas tempoh yang dikehendaki untuk dipadankan dengan kos yang hendak dibayar balik.

Geran kerajaan yang berkaitan dengan pembelian aset akan dimasukkan ke dalam liabiliti jangka panjang sebagai pendapatan tertunggak dan akan dikredit ke dalam penyata pendapatan komprehensif menggunakan kaedah garis lurus ke atas tempoh hayat penggunaan aset tersebut.

x) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan adalah hartanah di mana ia dipegang untuk mendapatkan hasil sewa atau untuk tambah nilai modal atau kedua-duanya.

Kumpulan mengolah hartanah pelaburannya bertepatan dengan Piawaian MASB Perakaunan Antarabangsa No. 16: Hartanah, Loji dan Peralatan, di mana Kumpulan menyatakan kedudukan pelaburan hartanahnya pada jumlah penilaian ditolak susut nilai dan rosot nilai terkumpul, walaupun hartanah ini tidak dinilai semula sejak ia pertama kali dinilai pada tahun 1998.

Pelaburan hartanah tidak lagi diiktiraf apabila ia dilupuskan atau secara tetap dikeluarkan daripada penggunaan dan tiada faedah ekonomi masa depan dijangka daripada pelupusan tersebut. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada persaraan atau pelupusan sebarang pelaburan hartanah diiktiraf dalam untung atau rugi bagi tahun persaraan atau pelupusan berlaku.

Hartanah-hartanah ini disusut nilai dalam tempoh masa 50 tahun.

y) Nilai Saksama

Nilai bawaan harta dan tanggungan kewangan Kumpulan dan RISDA pada tarikh penyata kedudukan kewangan adalah dinyatakan pada nilai saksama.

3. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN DAN OBJEKTIF

a) Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

Kegiatan Kumpulan dan RISDA terdedah kepada pelbagai risiko kewangan. Objektif pengurusan risiko kewangan Kumpulan dan RISDA secara keseluruhan adalah untuk menghasilkan nilai kepada pemegang sahamnya. Pengurusan risiko ini dilaksanakan melalui pengurusan tunai secara berhemah dan penggunaan sistem kawalan dalaman yang sesuai. Kumpulan dan RISDA beroperasi dengan berdasarkan garis panduan yang jelas dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah dan dasar Kumpulan dan RISDA juga tidak membenarkan penglibatan dalam sebarang urusaniaga yang berasaskan spekulasi. Ahli Lembaga Pengarah akan sentiasa membincangkan status kewangan Kumpulan dan RISDA melalui Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah.

b) Risiko kredit

Risiko kredit atau risiko kegagalan pembayaran dikawal dengan menggunakan kelulusan kredit, had kredit dan tatacara pengawasan. Risiko kredit diminimumkan dan diawasi dengan menghadkan secara tegas urusaniaga dengan entiti yang mempunyai kepercayaan kredit yang tinggi. Belum terima diawasi secara berterusan melalui tatacara pelaporan pengurusan Kumpulan dan RISDA.

c) Risiko kecairan dan aliran tunai

Kumpulan dan RISDA secara aktif mengurus profil kematangan hutang, aliran tunai kendalian dan keupayaan pembiayaan untuk memastikan semua pembayaran dan pembiayaan diperlukan mencukupi. Antara langkah pengurusan risiko kecairan secara keseluruhan ialah Kumpulan dan RISDA akan memastikan tahap wang tunai dan kesetaraan wang tunai cukup untuk memenuhi keperluan modal kerja.

d) Risiko kadar faedah

Kumpulan dan RISDA menguruskan kadar faedah pinjamannya dengan mengekalkan kaedah berhati-hati terhadap kadar pinjaman terapung dan tetap. Kumpulan dan RISDA sentiasa memeriksa portfolio hutangnya, untuk menyediakan modal dengan kadar pembiayaan yang lebih murah dan berupaya melindungi Kumpulan daripada kadar faedah yang berubah.

Maklumat tentang tarikh matang dan kadar faedah dan segala liabiliti telah ditunjukkan dalam nota kepada penyata kewangan.

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan
Pada 31.12.2015

Kos	Tanah milikbebas dan pajakan RM	Bangunan RM	Perabot kelengkapan pejabat, komputer dan kenderaan RM	Loji dan mesin RM	Bangunan, loji dan mesin dalam pembinaan RM	Jumlah RM
Baki pada awal tahun	86,933,498	365,144,210	158,625,843	118,284,484	57,088,601	786,076,637
Penambahan	12,597	9,673,594	13,657,646	22,047,308	21,825,598	67,216,743
Pelupusan	-	(640,823)	(4,616,722)	(2,338,317)	(21,445)	(7,617,307)
Pindahan	-	295,000	(4,167)	(308,880)	(20,590,393)	(20,608,440)
Pelarasan	-	13,280,281	(4,066,829)	4,273,889	(13,543,366)	(56,025)
Baki pada akhir tahun	86,946,095	387,752,262	163,595,771	141,958,484	44,758,995	825,011,608

Susutnilai terkumpul

Baki pada awal tahun	8,247,637	125,639,274	123,716,184	82,925,458	2,908,709	343,437,261
Susutnilai tahun semasa	1,061,718	9,951,821	11,693,531	10,589,486	-	33,296,556
Pelupusan	-	(329,606)	(4,305,812)	(2,205,079)	-	(6,840,497)
Pindahan	-	(3,156)	(55,918)	(207,488)	(3,074,843)	(3,341,405)
Pelarasan	-	(166,134)	(1,492,858)	1,492,858	166,134	-
Baki pada akhir tahun	9,309,355	135,092,199	129,555,127	92,595,235	-	366,551,915
Nilai buku bersih	77,636,740	252,660,063	34,040,644	49,363,249	44,758,995	458,459,693

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN...samb.

Kumpulan
Pada 31.12.2014

Kos	Tanah milikbebas dan pajakan RM	Bangunan RM	Perabot kelengkapan pejabat, komputer dan kenderaan RM	Loji dan mesin RM	Bangunan, loji dan mesin dalam pembinaan RM	Jumlah RM
Baki pada awal tahun	87,573,564	341,333,144	151,002,031	102,063,073	65,839,233	747,811,045
Penambahan	4,483,687	15,661,527	14,247,365	17,507,618	21,267,949	73,168,146
Pelupusan	-	(30,210)	(5,540,173)	(2,017,145)	(406,791)	(7,994,319)
Pindahan	-	9,666,710	397,947	816,409	(21,924,234)	(11,043,168)
Pelarasan	(5,123,753)	(1,486,961)	(1,481,327)	(85,471)	(7,687,556)	(15,865,068)
Baki pada akhir tahun	86,933,498	365,144,210	158,625,843	118,284,484	57,088,601	786,076,636

Susutnilai terkumpul

Baki pada awal tahun	7,884,055	118,601,140	117,152,494	80,532,839	1,724,408	325,894,936
Susutnilai tahun semasa	1,069,393	7,453,654	12,367,636	4,686,666	1,184,301	26,761,650
Pelupusan	-	(22,926)	(5,549,150)	(1,705,254)	(166,134)	(7,443,464)
Pindahan	-	1,372,978	405,565	495,514	-	2,274,057
Pelarasan	(705,811)	(1,765,572)	(660,361)	(1,084,307)	166,134	(4,049,917)
Baki pada akhir tahun	8,247,637	125,639,274	123,716,184	82,925,458	2,908,709	343,437,262

Nilai buku bersih

	78,685,861	239,504,936	34,909,659	35,359,026	54,179,892	442,639,374
--	------------	-------------	------------	------------	------------	-------------

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN...samb.

RISDA
Pada 31.12.2015

Kos	Tanah milikbebas dan pajakan RM	Bangunan RM	Perabot kelengkapan pejabat, komputer dan kenderaan RM	Loji dan mesin RM	Bangunan, loji dan mesin dalam pembinaan RM	Jumlah RM
Baki pada awal tahun	86,585,073	319,377,136	103,473,948	107,376,506	54,601,581	671,414,244
Penambahan	12,597	8,658,604	8,671,008	20,587,700	19,311,690	57,241,599
Pelupusan	-	(640,823)	(3,027,713)	(2,205,079)	(21,445)	(5,895,060)
Pindahan	-	295,000	(4,167)	(308,880)	(20,590,393)	(20,608,440)
Pelarasan	-	13,280,281	-	-	(13,280,281)	-
Baki pada akhir tahun	86,597,670	340,970,198	109,113,076	125,450,247	40,021,152	702,152,343

Susutnilai terkumpul

Baki pada awal tahun	8,189,820	109,559,682	84,575,836	73,973,533	2,908,709	279,207,580
Susutnilai tahun semasa	1,058,833	8,903,206	7,091,018	9,190,359	-	26,243,416
Pelupusan	-	(329,604)	(2,795,431)	(2,205,079)	-	(5,330,114)
Pindahan	-	(3,156)	(55,918)	(207,488)	(3,074,843)	(3,341,405)
Pelarasan	-	(166,134)	-	-	166,134	-
Baki pada akhir tahun	9,248,653	117,963,994	88,815,505	80,751,325	-	296,779,477

Nilai buku bersih

	77,349,017	223,006,204	20,297,571	44,698,922	40,021,152	405,372,866
--	------------	-------------	------------	------------	------------	-------------

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN...samb.

RISDA
Pada 31.12.2014

Kos	Tanah milikbebas dan pajakan RM	Bangunan RM	Perabot kelengkapan pejabat, komputer dan kenderaan RM	Loji dan mesin RM	Bangunan, loji dan mesin dalam pembinaan RM	Jumlah RM
Baki pada awal tahun	86,528,737	298,766,696	98,532,505	91,855,983	65,816,133	641,500,054
Penambahan	4,474,272	13,441,852	8,891,929	16,622,510	16,688,132	60,118,695
Pelupusan	-	(30,210)	(3,807,809)	(1,918,396)	-	(5,756,415)
Pindahan	-	8,110,758	(143,668)	816,409	(19,826,667)	(11,043,168)
Pelarasan	(4,417,936)	(911,960)	991	-	(8,076,017)	(13,404,922)
Baki pada akhir tahun	86,585,073	319,377,136	103,473,948	107,376,506	54,601,581	671,414,244

Susutnilai terkumpul

Baki pada awal tahun	7,123,244	103,182,725	81,051,745	72,186,983	1,724,408	265,269,105
Susutnilai tahun semasa	1,066,576	6,472,998	7,443,882	3,850,943	1,184,301	20,018,700
Pelupusan	-	(22,926)	(3,985,555)	(1,705,254)	(166,134)	(5,879,869)
Pindahan	-	1,372,978	405,565	495,514	-	2,274,057
Pelarasan	-	(1,446,093)	(339,801)	(854,653)	166,134	(2,474,413)
Baki pada akhir tahun	8,189,820	109,559,682	84,575,836	73,973,533	2,908,709	279,207,580

Nilai buku bersih

	78,395,253	209,817,454	18,898,112	33,402,973	51,692,872	392,206,664
--	------------	-------------	------------	------------	------------	-------------

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN...samb.

Dalam tahun kewangan semasa, perbelanjaan susutnilai dicajkan seperti berikut:

	Kumpulan/RISDA	
	2015 RM	2014 RM
Kumpulan Wang Terikat	26,243,416	20,018,700

Pada 31 Disember 2015, hakmilik ke atas sebidang tanah milik bebas salah sebuah syarikat subsidiari dengan kos berjumlah RM 168,889 (2014: RM168,889) belum didaftarkan atas nama syarikat subsidiari berkenaan.

Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan Kumpulan dan RISDA pada 31 Disember 2015, ialah harta yang telah disusutnilai sepenuhnya yang masih diguna, dengan kos berjumlah RM 33,146,327.42 (2014: RM73,602,659) dan RM 127,476,913.04 (2014: RM 87,020,581.61) masing-masing.

5. HARTANAH PELABURAN

Kos

	Kumpulan		RISDA	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Baki pada awal tahun	1,102,899	642,899	-	2,327,077
Pengelasan Semula	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	(2,327,077)
Pindahan	-	460,000	-	-
Baki pada akhir tahun	1,102,899	1,102,899	-	-

Susutnilai terkumpul

Baki pada awal tahun	368,867	354,678	-	2,327,077
Susutnilai tahun semasa	25,690	14,189	-	-
Pengelasan semula	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	(2,327,077)
Pindahan	-	-	-	-
Baki pada akhir tahun	394,557	368,867	-	-

Nilai buku bersih

	708,342	734,032	-	-
--	---------	---------	---	---

6. ASET HIDUP

	Kumpulan	
	2015 RM	2014 RM
Kos		
Baki pada awal tahun	4,868,695	5,352,612
Penambahan	18,825	55,614
Penghapusan	(954,612)	(539,531)
Baki pada akhir tahun	3,932,908	4,868,695
Susutnilai terkumpul		
Baki pada awal tahun	1,645,463	1,752,551
Susutnilai tahun semasa	23,582	222,026
Penghapusan	(610,240)	(329,114)
Baki pada akhir tahun	1,058,805	1,645,463
Nilai buku bersih	2,874,103	3,223,232

7. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI

(a) Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari

	Kumpulan		RISDA	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Saham tidak tersiar harga, pada kos	-	-	98,694,523	98,094,523
Tolak: Peruntukan rosotnilai pelaburan	-	-	(10,999,997)	(7,000,000)
	-	-	87,694,526	91,094,523

7. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI....Samb.

(b) Syarikat-syarikat subsidiari yang kesemuanya diperbadankan di Malaysia adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Kepentingan Ekuiti Efektif	
		2015 %	2014 %
Permodalan RISDA Berhad	Pengurusan dana	100	100
RISDA Security and Services Sdn. Bhd.	Perniagaan dan pengurusan hartanah	100	100
ESPEK Sdn. Bhd	Pengurusan ladang-ladang RISDA	100	100
RISDA Baja Sdn. Bhd.	Penjualan baja	100	100
RISDA Wood Sdn. Bhd.	Dihentikan operasi	100	100
RISDA Plantation Sdn. Bhd.	Perkhidmatan pengurusan kebun kebud kecil	100	100
RISDA Bina Sdn. Bhd.	Pembangunan hartanah	100	100
Kolej Risda Sdn. Bhd.	Memberi perkhidmatan kursus, latihan dan peralatan kemudahan belajar	100	100
RISDA Semaian dan Landskap Sdn. Bhd.	Menjual benih tanaman, buah tandan baru kelapa sawit dan getah sekerap, seni bina landskap dan perkhidmatan pengurusan	100	100
RISDA Holdings Sdn. Bhd.	Pemegang amanah dan agen dana pekebun-pekebun kecil	100	100
Protac Insurance Brokers Sdn. Bhd.	Broker insuran	80	80
RISDA Fleet Sdn. Bhd.	Perkhidmatan pengangkutan	70	70
RISDA Catering and Events Sdn. Bhd.	Perkhidmatan catering & fasiliti majlis	100	-

7. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI....Samb.

Syarikat-syarikat subsidiari Permodalan RISDA Berhad

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Kepentingan Ekuiti Efektif	
		2015 %	2014 %
PRB Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.	Pemegang amanah dan agen dana	100	100

Syarikat-syarikat subsidiari ESPEK Sdn. Bhd.

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Kepentingan Ekuiti Efektif	
		2015 %	2014 %
Espek Livestock Sdn. Bhd.	Menternak lembu	100	100
Espek Plantations Sdn. Bhd.	Menjual buah tandan baru kelapa sawit	100	100

Syarikat-syarikat subsidiari RISDA Plantation Sdn. Bhd.

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Kepentingan Ekuiti Efektif	
		2015 %	2014 %
RISDA Kayu Sdn. Bhd.	Pembuatan perabot dan perkayuan	100	100

Semua syarikat-syarikat subsidiari di atas diaudit oleh Tetuan Syed Mubarak & Co.

8. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

	Kumpulan		RISDA	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Saham tidak tersiar harga - pada kos	10,652,999	3,349,999	10,652,999	3,349,999
Bahagian kerugian dan rizab terkumpul selepas pengambilalihan	2,281,781	-	2,281,781	-
Peruntukan rosot nilai pelaburan	-	-	-	-
	<u>12,934,780</u>	<u>3,349,999</u>	<u>12,934,780</u>	<u>3,349,999</u>

Kesemua syarikat-syarikat bersekutu diperbadankan di Malaysia sebagaimana yang dinyatakan seperti dalam Nota berikut:

Syarikat-syarikat Bersekutu	Kegiatan Utama	Kepentingan Ekuiti Efektif	
		2015 %	2014 %
Sinergi Perdana Sdn Bhd*	Pengeluaran baja	33.33	33.33

Syarikat-syarikat bersekutu RISDA Semaian dan Landskap Sdn. Bhd.

Nishikigoi (M) Bhd.* @	Penternakan ikan koi dan mengusahakan dusun komersil	30	30
Telomas Sdn. Bhd. * @	Menjual barangan ternakan	24	24

Syarikat- syarikat bersekutu RISDA Security and Services Sdn. Bhd.

* Protac Insurance Brokers Sdn. Bhd.	Broker insuran	20	20
--------------------------------------	----------------	----	----

* Diaudit oleh firma audit yang lain selain daripada juruaudit RISDA.

@ Kumpulan tidak mengambil kira bahagian Kumpulan dalam keputusan kewangan syarikat bersekutu yang berikut kerana tidak ada penyata kewangan beraudit disediakan pada tarikh penyata kewangan Kumpulan diluluskan untuk pengisuan.

Walau bagaimanapun, Ahli Lembaga Pengarah berpendapat bahawa penyatuan keputusan kewangan syarikat bersekutu ini tidak memberi kesan yang ketara kepada penyata kewangan Kumpulan oleh kerana syarikat-syarikat ini telah menamatkan operasi dan peruntukan rosot nilai bagi pelaburan dalam syarikat-syarikat tersebut telah diambil kira sepenuhnya.

9. JUMLAH TERHUTANG OLEH/(KEPADA) SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI

	RISDA	
	2015 RM	2014 RM
Jumlah terhutang oleh syarikat- syarikat subsidiari	194,921,032	174,239,372
Tolak: Peruntukan hutang ragu	-	-
	194,921,032	174,239,372
Tolak: Bahagian yang perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan (termasuk dalam aset semasa)	(121,507,519)	(38,897,806)
Bahagian jangka panjang	73,413,513	135,341,566

Jumlah Terhutang Oleh Syarikat-Syarikat Subsidiari

Jumlah terhutang oleh syarikat-syarikat subsidiari berpunca terutamanya daripada pinjaman dan bayaran perbelanjaan bagi pihak lain mengambil kira yuran pengurusan. Jumlah baki adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tidak mempunyai jadual bayaran balik yang tetap kecuali pinjaman berikut:

- (a) Pinjaman tanpa cagaran diberi kepada syarikat subsidiari, ESPEK Sdn. Bhd. berjumlah RM 585,766.00 (2014: 1,758,208), yang terdiri daripada:
- (i) RM5,000,000 dikenakan faedah atas kadar 4% setahun dan bayaran balik dalam 7 ansuran tahunan dengan jumlah yang sama iaitu RM937,066 setahun mulai Disember 2003. Bagi tahun kewangan semasa, jadual bayaran balik tersebut telah disusun semula dan jadual bayaran balik ditetapkan pada 13 ansuran tahunan iaitu RM609,201 setahun mulai Disember 2004;

(ii) RM6,000,000 dikenakan faedah pada kadar 4% setahun dan jadual bayaran balik ditetapkan pada 10 ansuran tahunan iaitu RM739,746 setahun mulai Disember 2004; dan
- (b) Pinjaman tanpa cagaran diberi kepada syarikat subsidiari, RISDA Plantation Sdn. Bhd. berjumlah RM 49,664,941.74 (2014: RM52,863,457), yang terdiri daripada:
- (i) RM 48,189,290.74 (2014: RM52,060,256) untuk membiayai Program Tanam Semula Komersial RISDA dikenakan faedah atas kadar 4% setahun dan bayaran balik dalam 14 ansuran di mana ansuran tahun pertama mulai tahun 2009 berjumlah RM4,300,000;

(ii) RM 803,201 (2014: RM803,201) bagi projek ternakan kambing boer dikenakan faedah atas 4% setahun.

9. JUMLAH TERHUTANG OLEH/(KEPADA) SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI....Samb.

- (iii) RM 377,799 (2014: RM377,799) bagi projek ikan talapia merah dikenakan faedah atas kadar 4% setahun.

(iv) RM 294,651 (2014: RM294,651) bagi projek ternakan burung unta dikenakan faedah atas kadar 4% setahun.
- (c) Pinjaman tanpa cagaran yang diberi kepada syarikat subsidiari, RISDA Semaian dan Landskap Sdn. Bhd. bernilai RM 12,772,058 (2014: RM12,772,058) telah dikenakan faedah 4% setahun dan perlu dibayar apabila dituntut. Jumlah yang dinyatakan termasuk faedah tertunggak yang dikenakan berdasarkan kadar yang ditetapkan.

Pada tahun kewangan semasa ESPEK Sdn. Bhd. dan RISDA Plantation Sdn. Bhd. mendapat pengecualian faedah sebanyak 4% setahun dan perlu dibayar apabila dituntut. Jumlah yang dinyatakan termasuk faedah tertunggak yang dikenakan berdasarkan kadar yang ditetapkan.

Jumlah Terhutang Kepada Syarikat-Syarikat Subsidiari

Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat subsidiari berpunca terutamanya daripada yuran pengurusan belum dibayar dan perbelanjaan dibayar bagi pihak lain. Jumlah yang terhutang ini tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar apabila dituntut.

10. JUMLAH TERHUTANG OLEH SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

	Kumpulan	
	2015 RM	2014 RM
Jumlah terhutang oleh syarikat-syarikat bersekutu	17,901,375	20,714,163
Tolak: Peruntukan hutang ragu	-	-
	17,901,375	20,714,163
Tolak: Bahagian yang perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan (termasuk dalam aset semasa)	(17,901,375)	(20,714,163)
Bahagian jangka panjang	-	-

Jumlah yang terhutang oleh syarikat-syarikat bersekutu berpunca terutamanya daripada pinjaman tidak bercagar, yuran pengurusan belum terima dan perbelanjaan dibayar bagi pihak lain. Jumlah ini adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tidak mempunyai jadual bayaran balik yang tetap.

Peruntukan hutang ragu sepenuhnya telah dibuat bagi jumlah terhutang oleh syarikat bersekutu jangka panjang memandangkan kutipan balik hutang-hutang tersebut adalah diragui.

11. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN LADANG

	Kumpulan		RISDA	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Baki pada awal tahun	445,792,221	436,017,439	439,796,452	429,761,781
Penambahan tahunan	5,088,742	10,034,671	5,088,742	10,034,671
Hapuskira	(259,890)	(259,889)	-	-
Baki pada akhir tahun	450,621,073	445,792,221	444,885,194	439,796,452

12. KOS PEMBANGUNAN HARTANAH

Kos pembangunan hartanah

Baki pada awal tahun
Kurangan dalam tahun
Baki pada akhir tahun

Kumpulan	
2015 RM	2014 RM
7,697,007	12,963,579
-	(5,266,572)
7,697,007	7,697,007

13. PINJAMAN BERJANGKA

	Kumpulan		RISDA	
